

Headline	Tidak semua barang, perkhidmatan terbabit kenaikan SST		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Mar 2024	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	1,2
ArticleSize	448 cm ²	Journalist	Juani Munir
PR Value	RM 54,957		



Tidak semua barang, perkhidmatan terbabit kenaikan SST

Oleh **JUANI MUNIR**
dan **NURUL IRDINA SUMALI**
utusannew@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kenaikan kadar cukai jualan dan perkhidmatan (SST) sebanyak dua peratus daripada enam kepada lapan peratus bermula hari ini tidak melibatkan barangan dan perkhidmatan yang selalu diperlukan rakyat berpendapatan sederhana dan rendah.

Ini kerana kenaikan tersebut tidak membabitkan keperluan asas atau harian seperti makanan dan minuman, tempat letak kenderaan, telekomunikasi, logistik, penggunaan elektrik bawah 600 kilowatt-jam (kWj) dan perkhidmatan air dirawat tidak terkesan.

Bersambung di muka 2

Headline	Tidak semua barang, perkhidmatan terbabit kenaikan SST		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Mar 2024	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	1,2
ArticleSize	448 cm ²	Journalist	Juani Munir
PR Value	RM 54,957		

Tidak semua barang, perkhidmatan terbabit kenaikan SST

Dari muka 1

Sebaliknya, SST lapan peratus tersebut hanya dikenakan kepada aktiviti berkaitan perkhidmatan yang bukan keutamaan seperti mengunjungi pusat karaoke, hotel, loteri, mesin perjudian dan perkhidmatan e-dagang serta insurans dan takaful.

Sehubungan itu, peniaga dan syarikat pengendali perkhidmatan diingatkan tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan mereka khususnya keperluan harian bagi mengaut keuntungan berlipat ganda sekali gus membebankan rakyat.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Fuziah Salleh berkata, tindakan tegas akan dikenakan terhadap peniaga yang bertindak sesuka hati menaikkan harga barangan kesan susulan kenaikan dua peratus SST.

Menurut beliau, pihaknya melancarkan Ops Kesan dengan menggerakkan seluruh penguat kuasa bagi memastikan tiada cubaan peniaga mengambil kesempatan ke atas pengguna.

“Langkah penguatkuasaan ini akan ditumpukan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi mengesan sebarang tindakan menecatut atau menaikkan harga secara tidak munasabah.

“Kita juga nak ingatkan semua pihak agar mematuhi perundangan sedia ada dan tidak mengambil kesempatan menaikkan harga atau menecatut atau tindakan tegas akan dikenakan,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bermula hari ini, kerajaan menaikkan kadar SST daripada enam kepada lapan peratus menerusi Perluasan Asas Fiskal di bawah Komitmen Reformasi Fiskal ketika pengumuman Belanjawan 2024.

Kelmarin, Menteri Kewan-



Kita juga nak ingatkan semua pihak agar mematuhi perundangan sedia ada dan tidak mengambil kesempatan menaikkan harga.”

FUZIAH SALLEH

gan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan ketika memperincikan perkembangan itu memaklumkan, rakyat tidak dibebani dengan kadar cukai kepenggunaan yang lebih tinggi khususnya dalam perkhidmatan keperluan penting seperti makanan dan minuman, tempat letak kenderaan, telekomunikasi dan logistik.

Menyentuh kesan bil elektrik, beliau menjelaskan, ia membabitkan mereka yang menggunakan lebih daripada 600kWj sahaja sekali gus bermakna kira-kira 85 peratus pengguna tidak terlibat kerana mereka berada di luar ambang.

SST juga tidak akan dikenakan kepada perkhidmatan air dirawat.

Mengulas lanjut, Fuziah memberitahu, Ops Kesan turut menyasarkan semua sektor yang melibatkan perubahan kadar cukai di seluruh negara.

Katanya, mana-mana pihak melakukan kesalahan menecatut boleh didenda sehingga RM100,000 bagi individu atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala bagi syarikat tidak melebihi RM500,000.

CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN (SST)

Perkhidmatan tidak terkesan

- » Makanan, minuman, telekomunikasi, tempat letak kenderaan, logistik, penggunaan elektrik kurang 600 kwj/RM231.80 dan perkhidmatan air terawat.

Perkhidmatan terkesan

Kumpulan A

- » Hotel, pangsapuri servis, rumah inapan.

Kumpulan B

- » Restoran, bar, kedai kopi.

Kumpulan C

- » Kelab malam, dewan tari menari, kabaret, pusat kesejahteraan, rumah urut.

Kumpulan D

- » Kelab persendirian termasuk rumah kelab berdasarkan keahlian, profesion atau kelas.

Kumpulan E

- » Padang golf atau lapang sasaran golf.

Kumpulan F

- » Pertaruhan, ambil tagan, loteri, mesin perjudian atau permainan mengadu nasib.

Kumpulan G

- » Profesional antaranya perundangan, perakaunan, penilaian/penaksiran, kejuruteraan (seni bina), perundangan (latihan dan tunjuk ajar) dan teknologi maklumat/digital.

Kumpulan H

- » Perkhidmatan kad kredit.

Kumpulan I

- » Penyedia perkhidmatan lain seperti insurans dan takaful, servis kenderaan bermotor, perkhidmatan kurier, pembrokeran dan penajajaminan dan pembersihan.